

## Umat Islam perlu bahagi harta mengikut syariah

**RAMAI** masyarakat Muslim terlepas pandang tentang kepentingan perancangan dan pengurusan harta. Perancangan harta membantu memastikan kelangsungan kewangan keluarga selepas pemiliknya tiada dan mengelakkan pertelingkahan serta pembaziran.

Ia merangkumi pembahagian harta pusaka kepada waris (faraid) dengan memberikan hak setiap ahli keluarga menurut syariah, hibah iaitu memberikan manfaat harta semasa hidup kepada orang tersayang tanpa melanggar hukum Islam, wasiat dengan menentukan pengagihan harta tertentu, termasuk untuk sedekah, amal jariah atau tujuan kebajikan, takaful dan perlindungan kewangan bagi memastikan keluarga terjamin sekiranya berlaku musibah.

Harta merupakan amanah yang perlu dijaga dan diurus dengan baik. Malah kita dilarang mendapatkan harta dengan cara yang salah atau mengambil harta orang lain secara zalim. Allah SWT berfirman dalam surah *al-Baqarah*, ayat 188 yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu memberi (harta itu) kepada hakim untuk memakan sebahagian dari harta orang lain secara zalim, sedangkan kamu mengetahui."*

Malah firman Allah SWT yang lain berkait dengan pembahagian harta kepada waris secara adil seperti dalam surah *al-Isra* ayat 26-27 yang bermaksud: *"Dan hendaklah kamu memberi haknya kepada kerabat yang dekat, orang miskin dan orang yang dalam perjalanan; dan janganlah kamu menghambur-hamburkan harta secara boros."*

Pengurusan harta yang sistematik dapat membantu seseorang mengelakkan pembaziran melalui pengurusan kewangan yang bijak, menjamin masa depan keluarga, terutamanya anak-anak dan ibu bapa, digunakan secara bermanfaat dan meninggalkan legasi Islamik yang akan memberi manfaat di dunia dan akhirat.

Rasulullah SAW juga mengingatkan kepada kita dengan sabdanya yang bermaksud: *"Setiap kalian adalah pemimpin dan setiap*

*kalian akan ditanya tentang kepimpinannya, termasuk kepemimpinan atas harta keluarganya."* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam konteks wasiat, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Seorang Muslim tidak boleh meninggalkan wasiat melebihi sepertiga hartanya, kecuali dengan persetujuan waris-warisnya."* (Hadis Riwayat Bukhari, Muslim).

Beberapa pandangan sarjana Islam tentang harta seperti pandangan Imam al-Ghazali menekankan harta harus digunakan untuk kepentingan diri, keluarga dan masyarakat sementara harta yang tidak diurus dengan baik boleh membawa musibah kepada pemilik harta.


Manakala pandangan Ibnu Qudamah menyebut hibah dan wasiat adalah cara terbaik untuk memastikan harta dimanfaatkan dengan betul semasa hidup dan selepas meninggal dunia.

Serta pandangan Dr. Yusuf al-Qaradawi menekankan perancangan harta yang Islamik mampu mengelakkan pertelingkahan, memastikan keberkatan dan menegakkan keadilan dalam masyarakat.

Perancangan dan pengurusan harta dalam Islam bukan pilihan tetapi keperluan bagi setiap warga Muslim. Dengan memahami konsep faraid, hibah, wasiat dan takaful, umat Islam dapat mengelakkan pembaziran dan perselisihan, menjamin masa depan keluarga dan waris dan meninggalkan legasi yang bermanfaat serta diberkati oleh Allah SWT.

Harta yang diurus dengan bijak bukan sahaja melindungi dunia tetapi juga memberi manfaat di akhirat. Hal ini sesuai dengan mafhum hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Apabila seseorang meninggal dunia, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, atau anak yang mendoakannya."* (Hadis Riwayat Muslim).

**MEJAR PROFESOR MADYA  
DR. MOHD. ADIB ABD. MUIN**  
Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS),  
Universiti Utara Malaysia (UUM)



**UMAT Islam dapat mengelakkan pembaziran dan perselisihan, menjamin masa depan keluarga serta waris sekiranya memahami konsep faraid, hibah, wasiat dan takaful.**